

# **Perbelanjaan luar kawal isi rumah semasa moratorium boleh menyumbang kemelesetan ekonomi setempat pasca moratorium**

Oleh: Prof. Madya Dr. Muhammad Rezal bin Kamel Ariffin

Pengarah Institut Penyelidikan Matematik (INSPEM),

Universiti Putra Malaysia (UPM)

Bidang Kepakaran: Analisis Bermatematik

Nombor Telefon: 012-3766494

Dalam usaha mengatasi kesempitan kewangan rakyat era pandemik Covid-19, inisiatif moratorium yang telah dilaksanakan oleh kerajaan antara 18 Mac sehingga 30 September 2020, adalah bertujuan untuk meringankan beban rakyat yang terputus mata pencarian akibat pandemik melalui menambahkan kecairan tunai pada setiap isi rumah.

Kajian menunjukkan, secara purata, isi rumah berupaya menyimpan antara 15 sehingga 30 peratus daripada pendapatan bulanan secara tunai hasil daripada inisiatif moratorium ini.

Data pada bulan ke-empat inisiatif moratorium yang telah berlangsung menunjukkan perbelanjaan isi rumah boleh meningkat sehingga 40 peratus daripada pendapatan bulanan jika dibandingkan dengan sebelum penularan Covid-19 berlaku, terutamanya melalui platform e-dagang.

Platform e-dagang Shopee telah melaporkan bahawa pengguna portalnya telah memperlihatkan peningkatan durasi masa penggunaan sebanyak 20 peratus dalam seminggu dan terdapat 60 kali ganda lebih pesanan jika dibandingkan dengan tempoh masa yang sama tahun lepas.

Disamping itu, pembelian panik yang bertujuan untuk menambahkan stok simpanan keperluan isi rumah secara berlebihan juga akan menyumbang kepada peningkatan perbelanjaan isi rumah.

Fakta ini merupakan kesimpulan dari data dapatan yang diperolehi daripada kumpulan penyelidik analisis bermatematik dan analitis data Institut Penyelidikan Matematik, Universiti Putra Malaysia (INSPEM, UPM) dari atas talian.

Moratorium yang sepatutnya menjadi penampungan kepada pendapatan isi rumah pasca moratorium telah memperlihatkan impak sebaliknya di mana kecairan kewangan isi rumah telah menguncup antara 15 sehingga 20 peratus.

Dalam masa yang sama, matlamat tersirat inisiatif moratorium untuk menambahkan perbelanjaan tunai setiap isi rumah untuk menggerakkan ekonomi setempat (perniagaan peruncitan kecil, perniagaan berasaskan gerai, perkhidmatan pengguna asas dan lain-lain) akan terkesan akibat dari kurangnya kecairan tunai masyarakat setempat.

Kegagalan mengawal perbelanjaan secara berhemah dan terjerumus ke dalam pembelian secara spontan atas talian merupakan antara punca yang boleh menyumbang kepada kemelesetan

ekonomi setempat pasca moratorium kerana penguncupan perbelanjaan setempat akibat kurang kecairan tunai isi rumah.

Dalam menyedari hakikat ini, INSPEM melalui program *INSPEM – Penggerak Masyarakat Berbudaya Analitis Holistik* menyarankan supaya setiap isi rumah yang tidak berupaya mengimbangkan pendapatan dan perbelanjaan bulanan pasca moratorium supaya mengusahakan penambahan pendapatan isi rumah antara 20 hingga 30 peratus.

INSPEM juga menyarankan agar setiap segmen masyarakat perlu membelanjakan 30 peratus dari hasil pendapatan secara tunai pada perniagaan setempat.

Disamping itu, INSPEM melihat bahawa kekuatan ekonomi setempat boleh digerak melalui peningkatan perbelanjaan antara 5 sehingga 15 peratus para pesara kerajaan yang berjumlah lebih dari 75,000 orang seluruh Malaysia. Dengan anggaran konservatif bayaran pencen secara purata ialah RM2500 sebulan, akan terdapat kecairan tunai lebih dari RM187.5 juta sebulan. Ini sudah cukup untuk menggerakkan perniagaan setempat.

INSPEM juga menyarankan rakyat yang terkesan supaya menggunakan khidmat nasihat daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) untuk menjadualkan semula hutang bagi meningkatkan kecairan tunai bagi mengatasi defisit sedia ada.

Usaha-usaha di atas disarankan supaya perbelanjaan harian isi rumah dapat diserap dan juga membekalkan pusingan modal dalam pasaran perniagaan tempatan yang seterusnya akan menjayakan usaha mengatasi kemelesatan ekonomi pasca moratorium.